

PM minta anggota BNBBC lakukan sesuatu istimewa

UM - 20/3/2007

KUALA LUMPUR 19 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua anggota Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC) melakukan sesuatu yang luar biasa dan istimewa sejajar dengan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara kali ke-50.

Pemangku Pengerusi BNBBC, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, Perdana Menteri juga mahu anggota Parlimen menghasilkan perbahasan lebih berkualiti di samping tidak takut membangkitkan isu-isu yang boleh meningkatkan mutu pentadbiran kerajaan.

Ujar beliau, Abdullah turut meminta anggota BNBBC membangkitkan lebih banyak isu berkaitan dengan pertanian.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat pramajlis BNBBC sempena perasmian mesyuarat pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ke-11, di Bangunan Parlimen, hari ini.

"Dalam pertemuan sejam itu Perdana Menteri telah menyatakan anggota-anggota BNBBC perlu melakukan satu perkara luar biasa dan istimewa agar ia bertepatan dengan sambutan kemerdekaan Malaysia kali ke-50," katanya.

Raja Ahmad Zainuddin diminta mengulas mengenai amanat disampaikan oleh Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat yang menghimpunkan semua anggota Parlimen BN dari Dewan Rakyat dan Dewan Negara.